# PENEMPATAN KAUM MENDAILING DI PERAK SELATAN (CHIKUS) HUBUNGAN DIANTARA KEHIDUPAN SOSIAL, SENIBENA DAN PERANCANGANNYA

PTAR

Tajuk : Penempatan kaum Mendailing di Perak Selatan (Chikus)
Hubungan diantara Kehidupan Sosial, Senibena dan Perancangannya.

Kajian akhir ini (Final Studies) dihantar kepada Jabatan Senibina Institut Teknologi MARA sebagai sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan Diploma Senibina.

Disediakan oleh :

TAJUL EDRUS B. NORDIN

Diploma Senibina Tahun Akhir

Institut Teknologi MARA

Shah Alam, Selangor.

84144048

Ini adalah disahkan bahawa Kajian Akhir ini telah dibaca dan disemak olih :

En. Abdul Ghani Mohd. Desa .......................... Penyelia
Penyelaras

Saya berpuas hati dan bersetuju dengan sekop dan nilai Kajian Akhir ini untuk penganugerahan Diploma Senibina Institut Teknologi MARA.

..........................

Abdul Ghani Mohd. Desa
(Penyelia)

..........................

(Penyelaras)

1.00 Pengenalan

1.1. Pendahuluan.

1.2. Objektif Kajian.

1.3. Sekop Kajian.

1.4. Metadologi Kajian.

2.00 Kaum Mendailing secara am

2.1. Asal-usul Mendailing.

2.2. Penempatan kaum Mendailing di Nusantara.

2.3. Penghijrahan kaum Mendailing ke Tanah Melayu.

2.4. Pengaruh, Peranan dan Matlamat suku kaum Mendailing.

3.00 Ciri-ciri Penempatan kaum Mendailing Secara am.

3.1. Latar belakang dan Konsep kewujudannya.

3.2. Aspek-aspek Perancangan, Sosial dan Komuniti.

3.3. Ciri-ciri senibina Mendailing secara am.

4.00 Penempatan kaum Mendailing di Perak Selatan

4.1. Perancangan, Sosial dan Komuniti.

4.2. Tatatur Perancangan Dalam Merekabentuk Komuniti.

4.3. Aspek Pentadbiran dan Perkembangan.

SINOPSIS

PENEMPATAN KAUM MENDAILING DI PERAK SELATAN (BANDAR CHIKUS) HUBUNGAN DI ANTARA KEHIDUPAN SOSIAL, SENIBENA DAN PERANCANGANNYA

## 1.1. Pendahuluan

Kajiselidik ini dibuat sebagai suatu proses pembelajaran dalam pengkhususan matapelajaran sejarah senibena. Ia merupakan suatu kajian ilmiah yang mengambil masa selama enam bulan.

Tajuk yang dipilih iaitu "Penempatan kaum Mendailing di Perak Selatan, khususnya bandar Chikus". Ianya bukan sahaja menceritakan mengenai perancangan serta senibena perkampungan malah ia juga menyentuh aspek budaya dan sosial.

Kawasan Perak Selatan dipilih sebagai kawasan kajian walaupun tidak semua kaum Mendailing menetap disini namun ianya adalah kawasan yang paling terbanyak didalam Malaysia. Perak Selatan dimana ramai raja-raja daripada kaum Mendailing menjadi orang kuat diraja Perak. Dari ini ramailah suku sakat kaum ini tinggal disini.

Kehadiran kaum ini dalam masyarakat Perak tidak dititik beratkan sedangkan mereka juga merupakan salah satu kaum yang teramai di Perak.